

SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI NRECC KE PROJEK MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DI NEGERI KELANTAN

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah mengadakan lawatan kerja bagi meninjau pelaksanaan projek tebatan banjir di Kelantan pada 2 Julai 2023. Semasa lawatan tersebut, beliau telah mengumumkan pelaksanaan **4 projek menaiktaraf sistem saliran di Negeri Kelantan dengan kos sebanyak RM11.5 juta**. Projek-projek ini akan dilaksanakan segera dalam pertengahan Julai 2023 bagi melindungi hampir 7,300 penduduk daripada kejadian banjir.

Salah satu projek tersebut adalah Projek Membina dan Menyiapkan Saliran Bagi Mengelakkan Banjir di Baruh Kadok ke Pasar Batu 8, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan dengan kos sebanyak RM2.45 juta. Projek ini akan dimulakan pada Julai 2023 dan dijangka siap pada Mei 2024. Skop projek melibatkan kerja menaiktaraf saliran konkrit, membaikpulih jalan dan penutup longkang jalan, pengalihan utiliti Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom serta kerja-kerja lain yang berkaitan.

Projek ini dapat mengatasi masalah banjir kilat pada setiap musim tengkujuh dan hujan lebat berikutan saliran sedia ada tidak sempurna serta terhalang akibat mendapan tanah dan saliran tanah sedia ada di lot persendirian yang telah dikambus. Keadaan ini telah menyebabkan air bertakung dari kawasan Baruh Kadok seluas 12 hektar hingga ke Pasar Batu 8 dan menyebabkan berlakunya banjir di kawasan tersebut. Aliran trafik di jalan utama iaitu jalan Kota Bharu ke Kuala Krai juga turut terjejas. Jumlah penduduk terkesan dianggarkan seramai 500 penduduk melibatkan hampir 100 buah rumah.

Sementara itu 3 lagi projek lagi akan dilaksanakan segera pada Julai 2023 melibatkan Kampung Kota, kawasan belakang Istana Negeri Kubang Kerian dan di Taman Wadi Iman, Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan. Apabila siap sepenuhnya pada pertengahan 2024, seluas 452 hektar kawasan banjir dijangka dapat dikurangkan dengan anggaran 7,300 penduduk dapat dilindungi daripada kesan banjir.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

3 JULAI 2023